

# Kerajaan tak campur tangan urusan badan kehakiman

**Shah Alam:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen kerajaannya untuk tidak campur tangan dalam sebarang keputusan membabitkan badan kehakiman.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan mereka yang dilantik dalam badan itu berwibawa, bebas dan tidak terjerumus dengan kepentingan perniagaan serta rasuah.

"Jangan campur urusan badan kehakiman dalam membuat keputusan, tetapi kita mahu pastikan yang dilantik ini cukup berwibawa, bebas dan tidak terjerumus dengan kepentingan perniagaan dan rasuah.

"Ini tanggungjawab kita dalam kerajaan sebab kita kena jawab dalam Parlimen dan kepada rakyat," katanya di sini, semalam.

Majlis Peguam dalam resolusi kelmarin mengutuk keras sebarang campur tangan terhadap kebebasan badan kehakiman oleh badan eksekutif, legislatif atau mana-mana individu atau entiti yang bertujuan mengatasi Perlembagaan dan perundangan dalam pelantikan kehakiman, sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009.

Resolusi itu juga menggesa kerajaan menubuhkan suruhanjaya siasatan bebas bagi menjalankan siasatan menyeluruh dan telus terhadap ucapan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat ketika Majlis Pembukaan Tahun Perundangan pada Januari lalu.

Anwar berkata, pengawasan perlu dilakukan oleh badan bebas terhadap badan kehakiman bagi menjamin semak dan imbang.

"Saya tak campur dan ada beberapa proses lain kita bincang. Ini bukan bermakna Perdana Menteri, menteri betul atau pun hakim semua betul.

"Mesti ada pengawasan. Mesti ada semak dan imbang. Mesti ada badan-badan (yang meneliti dan memantau badan kehakiman).

"Apakah dia membayar cukai? Apakah ada unsur rasuah kerana perkara ini pernah berlaku secara meluas?

"Setiap perubahan itu harus dilakukan secara berhati-hati," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan hingga kini juga tidak pernah mencampuri sebarang kes dibicarakan di mahkamah, termasuk yang membabitkan golongan kenamaan.